



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	26/1/2011

Berdasarkan hak kebebasan bersuara berbanding Singapura – Dr. M Malaysia lebih demokratik

Oleh RAJA SYAHRIR ABU BAKAR
syahrir.bakar@utusan.com.my


KUALA LUMPUR 25 Jan - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad (gambar) berkata, Malaysia merupakan sebuah negara yang lebih demokratik berbanding Singapura berdasarkan kelebihan hak kebebasan bersuara yang diamalkan di negara ini.

Menurutnya, keadaan itu boleh diperhatikan melalui amalan parti pemerintah negara republik tersebut iaitu PAP yang akan mengambil tindakan tegas ke atas mana-mana rakyatnya yang didapati tidak menyokong kerajaan.

Jelas beliau, keadaan itu amat berbeza dengan negara ini yang menyaksikan parti-parti politik tempatan lebih takut kehilangan sokongan rakyat sekiranya mereka bertindak tegas untuk mendisiplinkan masyarakat.

"Parti pemerintah Singapura tidak takut kepada rakyat. Jika rakyat pilih bukan calon PAP, dia akan diheret ke mahkamah, didenda dan dijadikan bankrap.

"Selepas itu dia tidak dapat ke Parlimen untuk membantah perla-



kuan pemerintah. Jika dia dibenar mengambil tempat di Parlimen, dia tidak akan berani berkata apa-apa," katanya dalam entri bertajuk 'Kaum Melayu Singapura' di <http://chedet.co.cc/chedetblog/> hari ini.

Dr. Mahathir dilihat memberikan reaksi terhadap surat pembaca 'Utusan Malaysia' yang menasihatkan bekas

Perdana Menteri itu supaya melihat hakikat kehidupan Melayu Singapura di kawasan Geylang Serai di republik itu.

Dalam ruangan *Forum* semalam, pembaca yang menggelarkan dirinya 'Tan Malaka' antara lain menulis:

"Mahathir tidak seharusnya hanya berinteraksi dengan orang Melayu Singapura hanya di kawasan Orchard Road tetapi juga harus sesekali pergi ke bawah, ke Geylang Serai umpamanya untuk melihat hakikat kehidupan rakyat biasa Melayu Singapura.

"Kita harus menerima hakikat bahawa keadaan mereka (Melayu Singapura) lebih terattir dan lebih baik dari dahulu. Mereka berniaga di gerai-gerai di Geylang Serai dalam keadaan yang selesa dan jauh lebih bersih dan teratur berbanding Kampung Baru di

Kuala Lumpur."

Dr. Mahathir menegaskan, disiplin yang ada dalam masyarakat Singapura sebenarnya timbul akibat takut kepada kerajaan Singapura yang kurang demokratik serta menafikan hak kebebasan mereka untuk bersuara.

"Sesungguhnya keadaan di Singapura amat mengagumkan sesetengah daripada kita di Malaysia. Apa tidak, masalah Kampung Baru dapat diselesaikan dengan mudah.

"Pindahkan sahaja penduduk Kampung Baru, dan bangun rumah pangsa yang akan diduduki oleh sesiapa sahaja. Seperti hilangnya Geylang dan Pasir Panjang akan hilanglah Kampung Baru," jelasnya.